
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKB 503 – SEMINAR SILANG BUDAYA KESUSASTERAAN
ASIA TENGGARA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada bahagian A dan mana-mana DUA soalan daripada bahagian B.

Bahagian A

1. Jelaskan TIGA prinsip utama kajian silang budaya. Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, bagaimanakah kajian silang budaya boleh memberi manfaat yang lebih baik dalam pemahaman hasil kesusasteraan yang merentas budaya dan bangsa?
2. Sajak "Melayu" oleh Usman Awang dari Malaysia dan esei "The Ultimate Malay" oleh Carmen Guerrero dari Filipina sama-sama berbicara tentang identiti Melayu. Bincangkan secara kritis titik-titik persamaan karya-karya tersebut, dan tunjukkan pula perbezaan antara keduanya.

Bahagian B

3. Bincangkan beberapa sumber asas yang mendasari pemikiran A. Samad Ahmad dan Pramoedya Ananta Toer dalam menilai tradisi pemerintahan raja-raja Melayu dan Jawa melalui novel *Zaman Gerhana* dan *Arus Balik* yang mereka hasilkan. Sejauhmanakah kedua-dua karya tersebut dapat memancarkan semangat dan identiti bangsa yang dibicarakan?
4. Secara perbandingan, bincang tema puisi "God Said, 'I Made a Man'" oleh Jose Garcia Villa dan puisi "Padamu Jua" oleh Amir Hamzah. Jelaskan faktor-faktor budaya dan peribadi yang mungkin mempengaruhi pandangan penyair dalam karya masing-masing.
5. Kepercayaan kepada wujudnya perhubungan secara langsung antara manusia dengan kehidupan Alam Tinggi telah membentuk suatu konsep kerohanian yang universal bagi masyarakat di seluruh dunia. Huraikan TIGA faktor utama yang menyebabkan wujudnya kepercayaan tersebut. Berdasarkan faktor-faktor itu, bincangkan karya *The Tale of Prince Sammutakote* dalam tradisi kesusasteraan Thai dan *Hikayat Sultan Ibrahim* dalam tradisi kesusasteraan Melayu.
6. Kira ribut mendorja mengancam tanah yang indah
Setapak tiada kurela untuk melutut kecawa
(A. Samad Said, "Pada Tanah yang Indah", Malaysia)

- 3 -

Were it more brilliant; had it more freshness, more bloom
Still for you would I give it; would give it for your good!
(Jose Rizal, "My Last Farewell", Filipina)

Berasaskan petikan-petikan di atas, bincangkan tema puisi-puisi yang tersebut. Kaitkan perbincangan anda dengan diri penyair dan sejarah perjuangan kebangsaan negara masing-masing.

- ooo0ooo -